

10 FEB 2001

Mahathir-Pertemuan

PERTEMUAN UMNO-PAS PADA 19 FEB

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari menetapkan 19 Feb sebagai tarikh pertemuan antara Umno dan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak masing-masing akan diwakili oleh enam perwakilan pada pertemuan itu.

Beliau berkata wakil Umno akan ditentukan oleh Biro Politik yang akan membincangkan siapa yang akan mewakili parti.

"Kita bersetuju dengan cadangan Pas mengadakan pertemuan pada 19 Feb itu", kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di sini.

Ketika ditanya mengenai tempat dan masa pertemuan itu, beliau berkata ia belum diputuskan.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan beliau sendiri akan mengetuai perwakilan Umno pada pertemuan itu.

"Kita nampak Pas akan diketuai oleh Presiden PAS, jadi kita pun nak adakan sama juga dengan Pas-lah," katanya.

Ketika ditanya sama ada UMNO akan menerima parti Keadilan jika mereka ingin sama menyertai pertemuan memandangkan skop perbincangan turut membabitkan perpaduan nasional dan tidak hanya perpaduan Melayu, beliau berkata "tidak".

"Dia (Keadilan) kata dia bukan parti Melayu...Kita nak cakap dengan PAS sahaja. Jadi anything to do with parti Melayu, Keadilan tak ada kena mengena," katanya.

"Dia (Keadilan) kena isytiharlah: "Kami sekarang tukar fikiran dan kami parti Melayu...OKlah, kita boleh timbang, tetapi tak tentu lagi (boleh sertai perbincangan Umno-Pas)," katanya.

Semasa ditanya mengenai format perbincangan, beliau berkata, "Anything yang ada kaitan dengan perpaduan."

Kepada soalan pemberita, Dr Mahathir berkata pertemuan itu nanti lebih merupakan "open discussion".

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT juga membincangkan masalah dalaman parti dan memutuskan bahawa semua masalah dan rungutan anggota parti hendaklah disampaikan kepada anggota MT yang kemudian akan disampaikan pada mesyuarat MT.

"Anggota Umno juga boleh menulis surat kepada anggota MT atau kepada ibu pejabat mengenai rungutan dan rintihan mereka supaya dapat diteliti oleh Umno," katanya.

Ketika ditanya adakah keputusan itu dibuat setelah didapati ada anggota Umno ketika berucap pada perhimpunan "Tak akan Melayu Hilang Di Dunia" anjuran Badan Bertindak Melayu menyentuh parti, beliau berkata keputusan itu dibuat secara umum.

Dr Mahathir turut ditanya bagaimana jika masih ada anggota parti yang bercakap mengenai hal dalaman parti kepada media.

"Tak da apa...Bukan dia tak boleh cakap. Dia boleh cakap dengan press, Umno adalah parti cukup kuat... kita bersatu-padu dan sokong Umno. Tapi kalau dia cakap sesuatu yang dia tak puas hati dalam Umno, terutama kalau dia anggota MT, beritahulah pendirian (mereka)."

Ketika ditanya lagi bagaimana jika ada anggota MT yang menggunakan laman web sendiri untuk menyuarakan pendapat mengenai parti, beliau berkata, "Yang itu kita tak tahulah. Orang Umno tidak ada web site."

Semasa ditanya lagi bahawa ada seorang anggota MT mempunyai laman

webnya sendiri, Dr Mahathir berkata, "Itu saya tak tahulah."
-- BERNAMA
NZ NZ FAZ